

5226/1

Tasawwur Islam

**Peraturan
Pemarkahan**

September

2024

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN (JSU 1)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024**

**TASAWWUR ISLAM
SET 1**

PERATURAN PEMARKAHAN

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.	<u>Qadak</u> / Qadar / Takdir
2	Tingkah laku sopan, berbudi bahasa, pekerti yang halus dan mulia.	Etika / Akhlak / <u>Adab</u>
3	Ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli sama ada dari segi kuantiti, kualiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.	<u>Gharar</u> / Judi / Riba
4	Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.	Takzir / <u>Hudud</u> / Qisas

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Al-Quran	Tabarru'	Dalil Naqli	Efisien	Wahyu	Dalil Aqli
----------	----------	-------------	---------	-------	------------

- 5 Dalil Aqli ialah dalil yang lahir daripada akal yang sejahtera.
- 6 Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT ialah Wahyu.
- 7 Tabarru' ialah peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar semasa menyertai skim takaful.
- 8 Pentadbiran negara yang Efisien dan efektif akan menjadi contoh kepada negara lain.

Soalan 9 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Rasul Yang Menerima Kitab	
Jawapan	Kitab
P	Kitab Zabur
Q	Kitab Taurat

9 P ialah Nabi Daud a.s.

10 Q ialah Nabi Musa a.s.


Elemen Pembentukan Negara Islam	
Jawapan	Pernyataan
R	Lembaga mesyuarat tertinggi negara yang ahlinya terdiri daripada khalifah, ulama dan individu yang pakar dalam bidang masing-masing.
S	Menjalankan urusan kehakiman serta memastikan hukum dan undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT dilaksanakan dengan sepenuhnya.

11 R ialah Majlis Syura

12 S ialah Badan Kehakiman

Soalan 13 hingga soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan Rukun Nikah.




13 T ialah Isteri

14 U ialah Wali

Soalan 15 hingga soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan kesalahan jenayah hudud.



15 V ialah Qazaf

16 W ialah Merompak

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (✗) pada pernyataan yang salah.

17 Allah SWT memiliki 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil dan 20 sifat harus.

✗

18 Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu merupakan adab dan etika sistem sosial Islam.

✓

19 Al-Murabahah dan al-Bai' Bithaman Ajil mempunyai persamaan dari segi simpanan dan pelaburan muamalat Islam.

✗

20 Majlis Syura ditubuhkan secara rasmi pada zaman Saidina Umar r.a.

✓

Bahagian B
[80 Markah]
Jawab empat soalan sahaja.

1	(a)	Jelaskan maksud Islam sebagai al-Din.	
		Islam adalah cara hidup yang lengkap(1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak(1m).	
			[2 isix1m=2 markah]
			
	(b)	(i)	Berdasarkan gambar di atas, nyatakan punca berlaku perkara tersebut.
			- Kurang didikan agama. - Kurang ilmu pengetahuan - Terpengaruh dengan pengaruh luar yang negatif - Jawapan munasabah diterima
			[1 markah]
		(ii)	Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya perkara di atas tidak dibendung.
			Masyarakat akan berpecah-belah(F) kerana mempunyai kefahaman agama yang berbeza(H1). Ini menyebabkan masyarakat tidak dapat membezakan akidah yang benar dan akidah yang salah(H2). Orang yang mengikuti ajaran sesat akidahnya terpesong(H3) menyebabkan kemurkaan Allah SWT(H4) Kita hendaklah berusaha mendalami ilmu agama yang benar dalam kehidupan dengan menuntut ilmu agama dari guru yang diiktiraf agar akidah terpelihara(K).

			Cadangan isi: - Umat Islam berada dalam kesesatan - .Umat Islam akan menjadi mundur - Masyarakat akan menjadi huru-hara
			[5 markah]
	(c)	Jelaskan dua kepentingan rukun Islam.	
		- Menjamin hubungan baik antara manusia dengan Allah SWT(1m) agar hidup diberkatiNya(1m). - Membawa kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat (1m) kerana mentaati perintahNya(1m) - Menjadi asas ketaatan kepada ajaran Islam(1m) yang menjadi kunci kejayaan di dunia dan akhirat.(1m)	
			[4 markah]
	(d)	Terangkan dua jenis pemilikan harta.	
		- Hak milik individu(1m) seperti memiliki rumah, kereta dan lain-lain(1m) - Hak milik Umum(1m) seperti laut, sungai(1m) - hak milik Negara (1m) seperti hasil hutan dan bahan galian(1m)	
			[2 isix2m=4 markah]
	(e)	Huraikan dua keistimewaan sistem ekonomi Islam terhadap masyarakat.	
		- Sistem yang lengkap dan menyeluruh (1m) kerana berpandukan ajaran dan wahyu Allah SWT.(1m) - Berteraskan nilai dan akhlak Islam (1m) agar masyarakat sejahtera(1m) - Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat(1m) agar menjadi hambaNya yang diredai(1m) - Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam agar dapat memenuhi fitrah semulajadi manusia.(1m)	
			[2 isix2m=4 markah]

2	(a)	(i)	Nyatakan dua peringkat alam yang perlu dilalui oleh manusia untuk menjadi insan kamil.	
			- Alam roh (1m) - Alam rahim (1m) - Alam dunia (1m) - Alam barzakh/ alam kubur (1m) - Alam akhirat (1m)	
				[2 isix1m =2 markah]
		(ii)	Jelaskan tujuan penciptaan manusia.	
			- Mengabdikan diri kepada Allah SWT(1m) agar menjadi hamba yang bertakwa(1m) - Memakmurkan bumi Allah SWT berdasarkan syariat Allah SWT agar masyarakat hidup sejahtera.(1m)	
				[1 isix2m=2 markah]
	(b)		Terangkan dua tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT.	
			- Menyembah Allah SWT semata-mata(1m) agar akidah terpelihara.(1m) - Mematuhi segala perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya(1m) agar hidup diberkatiNya.(1m) - Bersyukur di atas nikmat Allah SWT (1m) dengan cara sentiasa mengingati serta berzikir kepada Allah SWT setiap masa(1m).	
				[2 isix2m=4 markah]
	(c)	(i)	Nyatakan maksud sistem perundangan Islam.	
			- Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan (1m) sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di duniadan di akhirat.(1m)	
				[2 isix1m=2 markah]

		(ii)	Jelaskan dua asas sistem perundangan Islam.
			- Pencegahan(1m) supaya dapat memberi amaran kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan/ dapat mencegah berulangnya perbuatan jenayah(1m) - Pembalasan(1m) untuk membalas perbuatan jahat dengan hukuman yang adil/ mengelak wujudnya perasan dendam(1m) - Pemulihan (1m) agar mendidik pesalah supaya insaf daripada kesalahan/ mengubah diri supaya taat kepada ajaran agama.(1m)
			[2 isix2m=4 markah]
			
		(iii)	Pada pandangan anda, bagaimanakah Islam mengajar umatnya memelihara nyawa?
			Islam mengajar umatnya menjaga kesihatan(F) agar terhindar daripada penyakit(H1) seperti makan makanan yang halal dan baik(H2). Ini menyebabkan tubuh badan menjadi sihat dari segi rohani dan jasmani.(H3) Kesannya seseorang mudah melakukan ibadat wajib dan ibadat sunat.(H4). Kesimpulannya kita hendaklah menjaga nyawa agar menjadi hamba Allah yang diredaiNya.(K) Cadangan Isi. - Larangan terlibat dengan kegiatan yang membahayakan diri seperti lumba haram. - Larangan membunuh diri
			[6 markah]

3	(a)	(i)	Senaraikan dua peranan anak.
			- Mematuhi ajaran agama. - Menjauhi perbuatan mungkar. - Mematuhi nasihat daripada ibu bapa. - Menghormati ibu bapa. - Berbakti kepada ibu bapa. - Berkomunikasi dengan sopan. - Membantu ibu bapa di rumah. - Menjaga maruah ibu bapa dan keluarga. - Menghormati rakan kedua-dua ibu bapa. - Mendoakan ibu bapa ketika masih hidup atau telah meninggal dunia
			[2 isix1m=2 markah]
		(ii)	Jelaskan cara membina keluarga berasaskan syarak.
			- Solat berjemaah(1m) agar dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan Allah SWT(1m) - Makan bersama keluarga(1m) kerana waktu makan antara waktu yang paling sesuai untuk berkumpul dan berbual.(1m) - Beriadah dan berekreasi(1m) kerana dapat meluangkan masa bersama-sama(1m) - Jawapan munasah diterima
			[2 isix1m=2 markah]
			 Gambar : Seni Seramik
	(b)	(i)	Berdasarkan gambar di atas, senaraikan dua contoh lain kesenian Islam.
			- Seni Khat dan kaligrafi(1m) - Seni reka fesyen(1m) - Seni fotografi(1m)
			[2 isix1m=2 markah]

		(ii)	Bincangkan langkah yang perlu dilakukan bagi menarik minat remaja supaya terlibat dalam aktiviti seni tersebut.	
			Memperbanyakkan aktiviti-aktiviti seni dalam aktiviti kokurikulum di sekolah (F). Hal ini kerana ramai remaja yang mempunyai bakat tetapi tidak tahu menonjolkan bakat(H1) kerana kurang prasarana atau medium untuk menzahirkan bakat mereka(H2). Kesimpulannya, Kita hendaklah berusaha untuk membantu remaja mengasah bakat mereka dalam bidang seni agar mereka terhindar daripada terlibat dalam aktiviti yang tidak berfaedah.(K) Cadangan isi: - Kempen di peringkat negeri/kebangsaan - Pertandingan	
				[4 markah]
	(c)	(i)	Jelaskan maksud pengurusan dalam Islam.	
			Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam(1m) untuk kebajikan manusia.(1m)	
				[2 isix1m=2 markah]
		(ii)	Jelaskan dua prinsip tadbir urus dalam Islam.	
			- Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis(1m) kerana keduanya merupakan rujukan utama(1m) - Mengamalkan konsep keadilan dalam pentabdiran(1m) agar masyarakat harmoni(1m) - Berasaskan keimanan kepada Allah SWT(1m) kerana menjadi asa utama(1m)	

			- Bermatlamatkan dunia dan akhirat(1m) supaya hidup diberkati.(1m) - Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura(1m) kerana mengambil pandangan semua pihak(1m) - Pentadbir sebagai pemegang amanah(1m) yang mempunyai prinsip Islam(1m) - Berteraskan nilai-nilai akhlak(1m) mahmudah dalam pentadbiran(1m)	
				[2 isix2m=4 markah]
		(iii)	Huraikan dua kesan mentadbir dan mengurus mengikut syariat.	
			- Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah(1m) agar dapat mengelakkan diri dari sifat mazmumah seperti rasuah.(1m) - Mendapat ketaatan daripada orang bawahan(1m) kerana adil dalam pentadbiran.(1m) - Mewujudkan persefahaman antara ketua dengan anak buah(1m) supaya organisasi sejahtera.(1m) - Memajukan organisasi dan negara(1m) menyebabkan negara dipandang tinggi(1m)	
				[2 isix2m=4 markah]
4	(a)	(i)	Senaraikan dua bahagian ibadah.	
			- Ibadah Umum(1m) - Ibadah Khusus(1m)	
				[2 isix1m=2 markah]

		(ii)	Jelaskan cara untuk meningkatkan kualiti ibadah.
			- Sentiasa mengingati Allah SWT(1m) ketika melakukan pekerjaan(1m) - Meningkatkan ilmu pengetahuan(1m) tentang ibadah khusus dan umum.(1m) - Berdamping dengan orang soleh(1m) dan berilmu agar mendapat manfaat.(1m) - Sabar dan istiqamah dalam melakukan ibadah(1m) agar beroleh rahmat dari Allah) - Memahami hikmah di sebalik kewajipan sesuatu ibadah(1m) agar menjadi hamba yang bersyukur(1m) - Jawapan munasabah diterima
			[2 isix1m=2 markah]
	(b)	(i)	Jelaskan contoh murunah yang diamalkan oleh umat Islam.
			- Melaksanakan solat secara jamak dan qasar /(m) dalam keadaan tertentu(1m). - Boleh berfesyen dalam berpakaian(1m) asalkan tidak melanggar hukum syarak.(1m) - Jawapan munasabah diterima
			[2 isix1m=2 markah]
		(ii)	Terangkan dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam.
			- Sesuai dengan fitrah dan akal manusia(1m) kerana Allah yang lebih mengetahui.(1m) - Bersifat jelas dan praktikal(1m) agar tidak membebankan umatnya.(1m) - Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) kerana bertujuan untuk memakmurkan kehidupan manusia.(1m) - Seimbang dari sudut rohani dan jasmani(1m) agar hidup bahagia.(1m)

			- Mementingkan budaya ilmu(1m) untuk mengangkat darjat manusia(1m) - Menjadi rahmat bagi sekalian alam(1m) kerana Islam mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan.(1m)	
				[2 isix2m=4 markah]
	(c)	(i)	Senaraikan empat jenis muamalah Islam.	
			- Al-Wadiah - Al-Murabahah - Al-Mudharabah - Al-Musyarakah - Al-Ijarah - Al-Rahn - Al Bai' Bithaman Ajil - Al-Takaful	
				[4 isix1m=4 markah]
			Muamalah Islam memenuhi keperluan individu berlandaskan syariat Islam.	
		(ii)	Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan masyarakat menggunakan muamalah Islam dalam kehidupan seharian?	
			Memberikan penerangan melalui media massa(F) supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam(H1).Hal ini supaya masyarakat sedar tentang manfaat yang akan diperolehi(H2) daripada kepelbagaian jenis muamalat Islam(H3).Kesannya akan membantu golongan yang kurang berkemampuan(H4) contohnya membeli sebuah kenderaan(H5).Kesimpulannya kita hendaklah berusaha melaksanakan muamalat Islam dalam semua perkara agar hidup dirahmati Allah SWT(K)	

			Cadangan isi: -Memberi didikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan negara -Mengembangkan kemudahan perbankan Islam secara menyeluruh -Mengemaskinikan sistem muamalat Islam supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam	
				[6 markah]
5	(a)	(i)	Nyatakan dua ciri akal.	
			- Untuk manusia berfikir. - Untuk membezakan manusia dengan haiwan - Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib. - Akal sentiasa berubah dan berkembang	
				[1 isix2m=2 markah]
		(ii)	Jelaskan fungsi wahyu terhadap akhlak.	
			- Menjadi panduan(1m) dalam pembentukan akhlak mulia(1m) - Menetapkan hukum-hukum praktis(1m Yang berkaitan dengan akhlak(1m) - membimbing masyarakat(1m) untuk berinteraksi antara satu sama lain(1m)	
				[2 isix1m=2 markah]

			Gejala seks bebas jadi ancaman terbesar 101,672 dijangkiti HIV Oleh HUKUMI ISMAIL, <i>Penyandang Pendidikan Masyarakat</i> * CYBERJAYA'S MAC KURANG-KURANG 3,000 hingga 3,500 kes infeksi dijangkiti HIV direkodkan setiap tahun sejak 2001 dengan gejala seks bebas menjadi ancaman terbesar bagi peningkatan jangkitan virus HIV dalam kalangan remaja sekurang-kurangnya. Pengarah Klinikul Terapan AIDS Malaysia, Ismail Hali Bedecka, berketua perubatan yang membimbangkan itu, pihaknya sedang mempergiatkan usaha mengadakan kerjasama dengan sekolah dan institusi pengajian tinggi swasta dan swasta di bawah program Kelas Rakan Muda untuk menyediakan golongan remaja bagi meningkatkan kesedaran mereka terhadap HIV/AIDS. Menurutnya, berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan sehing- ga Disember 2013, sebanyak 101,670 rakyat negara ini dijangkiti dengan virus HIV dengan 1,076 daripadanya adalah kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun. Bedeka berkata, kebanyakan kanak-kanak itu dijangkiti virus HIV daripada ibu sejak dalam kandungan disebabkan ibu mereka tidak mengambil sebarang ubat semasa hamil untuk mengelakkan jangkitan. "Mengikut statistik terbaru, pada 2013 sahaja sebanyak 50 kanak-kanak dijangkiti virus HIV selain 52 orang pada 2012 dan 63 orang pada 2011." "Sehingga Disember 2013 juga sebanyak 16,140 kematian disebabkan jangkitan HIV dicatatkan," katanya kepada perubatan sebagai Program Kerjasama Amal AIDS antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan AIDS Malaysia di Taman Tazak Cyberjaya di sini hari ini. Yang hadir sama Timbalan Suite Canaslow Chonggen, Industri dan Masyarakat UKM, Prof. Dr. Ismael No. Abdulah. Program yang disertai sebanyak 250 peserta itu dianjurkan bagi menggiatkan dalam usaha membandingkan golongan HIV/AIDS di negara ini dan sebanyak 150,000 peserta dijangkiti sebelum diwujudkan kepada Yayasan AIDS Malaysia. Menurut Ismail, sejak 2010, sebanyak 70 peratus daripada kes baharu yang dijangkiti disebabkan virus HIV yang dijangkiti hasil hubungan seksual dengan suami yang positif HIV dan risiko risiko antara lelaki dan perempuan adalah sangat tinggi berbanding dengan perempuan 6:10 berbanding pada 2010 iaitu 1:1. "Jika dalam kebanyakan pengidap HIV dijangkiti melalui perkongsian jarum dalam kalangan pengguna dadah terutamanya lelaki, kesan ancaman terbesar terhadap remaja," ujarnya.	
	(iii)	Berdasarkan keratan akhbar di atas, pada pandangan anda mengapakah gejala tersebut berlaku dalam kalangan masyarakat pada hari ini?		
		Kurang didikan agama(F) kerana tidak diberi didikan yang sempurna sejak dari kecil(H1).Hal ini menyebabkan anak-anak mudah terpengaruh dengan budaya barat(H2) seperti pergaulan bebas(H3) tanpa batasan(H4).Kesimpulannya,kita hendaklah berusaha mempertingkatkan ilmu agar berada di landasan yang benar(K) Cadangan isi -Lemah Iman -Pengaruh Rakan Sebaya -Pengaruh media sosial -Pergaulan bebas		
			[6 markah]	
	(b)	(i)	Senaraikan dua prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan.	
			- Pengakuan(1m) - Kesaksian(1m) - Pembuktian(1m)	
			[2 isix1m=2 markah]	

		(ii)	Jelaskan dua etika sebagai hakim.
			- Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak(1m) supaya wujud keadilan(1m) - Hakim hendaklah jujur ketika bertugas(1m) supaya kewibawaan dihormati(1m) - Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan(1m) supaya keputusan yang dibuat tepat(1m) - Hakim dilarang mensabitkan kesalahan jikat ada keraguan(1m) supaya tidak berlaku penganiayaan(1m)
			[2 isix2m=4 markah]
		(iii)	Terangkan dua kepentingan melaksanakan Sistem Kehakiman Islam.
			- Mampu menyelesaikan permasalahan manusia(1m) kerana bersifat lengkap.(1m) - Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara(1m) agar masyarakat aman(1m) - Menegakkan amar makruf nahi mungkar(1m) agar masyarakat sejahtera(1m) - Membendung perkara mungkar (1m) agar jenayah dapat dibendung(1m) - Mewujudkan keadilan (1m) agar semua lapisan masyarakat berpuas hati(1m) - Mengembalikan hak kepada orang yang dizalimi(1m) agar masyarakat harmoni(1m)
			[2 isix2m=4 markah]
6	(a)	(i)	Jelaskan dua adab pergaulan selain menjaga tutur kata.
			- Berlaku adil dan ihsan(1m) terhadap semua manusia(1m) - Menghormati dan tidak menghina orang lain(1m) seperti menggunakan perkataan kesat(1m) - Bersangka baik terhadap orang lain(1m) agar hidup harmoni(1m) - Menjaga batasan pergaulan(1m) antara lelaki dan perempuan(1m) - Menjaga batasan aurat(1m) sesama manusia(1m)

				[2 isix2m=4 markah]
		(ii)	Senaraikan dua contoh akhlak Rasulullah SAW.	
			- Pemurah - Pemaaf - Penyabar - Jawapan munasabah diterima	
				[2 isix1m=2 markah]
		(iii)	Terangkan dua cara memupuk sifat mahmudah dalam kalangan murid sekolah.	
			- Mempelajari ilmu yang benar (1m) daripada ulama yang muktabar.(1m) - Dilatih dan dipupuk sejak kecil(1m) agar menjadi insan yang mulia(1m) - Mempraktikkan sifat mahmudah dalam pergaulan sesama manusia (1m) agar wujud masyarakat yang harmoni(1m) - Menggalakkan kesediaan setiap individu (1m) untuk sentiasa mengamalkan nilai-nilai Islam(1m) - Membudayakan sifat mahmudah pada seluruh lapisan masyarakat - Jawapan munasabah diterima.	
				[2 isix2m=4 markah]

	(b)	Jelaskan tanggungjawab rakyat.		
		- Memberikan taat setia kepada khalifah (1m) kerana ia adalah suruhan agama(1m) - Membantu membentaras kemungkaran (1m) melalui nasihat (1m) - Bekerjasama (1m)dalam mempertahankan keselamatan negara(1m). - Berusaha untuk mendalami ilmu pengetahuan(1m) agar menjadi rakyat yang berguna(1m) - Menghormati kebebasan beragama(1m) supaya hidup aman harmoni(1m) - Menasihati khalifah ke arah kebaikan (1m)agar dapat menegakkan keadilan(1m) - Menjaga keamanan hidup bermasyarakat (1m) agar hidup aman damai (1m)		
				2 isix1m=[2 markah]
	(c)	Terangkan prinsip negara Islam.		
		- Musyawarah (1m) iaitu mesyuarat yang dijalankan bagi mendapatkan keputusan yang paling berkualiti (1m) - Keadilan (1m) ialah membuat keputusan secara saksama bersumberkan al-Quran dan al-Hadis (1m) - Kebebasan (1m) ialah melindungi hak dan kebebasan individu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam (1m) - Persamaan (1m) ialah setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat dan kedudukan (1m).		
				[2 isix1m=2 markah]

	(d)	Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan implikasi pengabaian tanggungjawab sebagai khalifah.		
		Hilang rasa hormat orang bawahan kepada pemimpin(F).Hal ini kerana pemimpin tidak melaksanakan amanah(H1) dengan baik(H2).Kesannya melakukan kezaliman (H3) yang akan menindas rakyat (H4).Kesimpulannya,kita hendaklah mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan agar hidup diberkati Allah SWT. Cadangan isi - Mengabaikan amanah yang diberikan - Hilang sokongan daripada orang bawahan - Berlaku pertelingkahan - Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara		
				[6 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT